MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

2020

HARI KHAMIS : 16 JULAI 2020

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 41)

SOALAN NO : 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah menangani gejala tekanan melampau khususnya dalam kalangan pekerja di sektor awam seperti doktor dalam tempoh kritikal tempoh hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang berlakunya pandemik COVID-19, dan semasa dalam Perintah Kawalan Pergerakan tempoh hari, secara amnya, masyarakat terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Tekanan tidak hanya dialami oleh pekerja di sektor awam, petugas kesihatan atau *frontliners* tetapi tekanan turut dirasai oleh golongan lain di dalam kalangan masyarakat akibat daripada pelbagai faktor penyumbang seperti tiada sumber pendapatan, kehilangan pekerjaan, pergaduhan keluarga, masalah rumahtangga (pertengkaran, perpisahan, penceraian), penderaan (emosi dan fizikal) dan lain-lain.

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan beberapa inisiatif dalam menangani gejala tekanan yang melampau khususnya

di kalangan penjawat awam terutama sekali doktor dan kakitangan kesihatan dalam tempoh kritikal tempoh hari seperti berikut:

1.1 KKM dengan kerjasama MERCY Malaysia telah memulakan perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial yang berpusat di CPRC, KKM semenjak 25 Mac 2020 bagi memberikan perkhidmatan sokongan dan kaunseling kepada komuniti / masyarakat termasuk kakitangan dan petugas awam kesihatan yang menjalankan tugas dalam menangani krisis pandemik COVID-19. Talian ini dikendalikan oleh pegawai psikologi kaunseling KKM dan juga dibantu oleh sukarelawan pegawai psikologi agensi-agensi lain dan NGO.

1.2 Selain daripada talian yang dikendalikan oleh KKM, terdapat agensi-agensi kerajaan yang lain iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang mengendalikan Talian KASIH dan JAKIM yang mengendalikan Talian KSK-Care (Komuniti Sokongan Keluarga) yang turut memberikan khidmat sokongan kaunseling dan terapi psikospiritual kepada mereka yang mengalami tekanan.

1.3 Bagi kakitangan kesihatan (termasuk doktor) dan *frontliners*, saringan kesihatan mental telah dilaksanakan bagi mengenal pasti mereka yang mempunyai tanda-tanda *(symptom)* stress, keresahan dan kemurungan. Mereka yang dikenal pasti akan diberikan *Psychological First Aid (PFA)* dan akan dirujuk kepada kaunselor atau pakar mengikut keperluan.

1.4 Di peringkat lapangan, hospital dan klinik kesihatan, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS (*Mental Health Psychosocial Support Service*) turut disediakan untuk kumpulan sasar iaitu :

1.4.1 *Person Under Surveillance* atau PUS di Stesen Kuarantin dan di rumah;

1.4.2 Individu yang dijangkiti COVID-19 yang dimasukkan ke wad;

1.4.3 Petugas kesihatan / *frontliners* yang bekerja menangani pandemik COVID-19;

1.4.4 Petugas Kesihatan yang melaksanakan '*contact tracing*' di peringkat negeri dan daerah;

1.4.5 Petugas Kesihatan yang terlibat semasa COVID-19 di CPRC di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah; dan

1.4.6 Petugas daripada agensi lain yang terlibat dalam mengendalikan pandemik COVID-19.

1.5 Perkhidmatan *MHPSS* yang dilaksanakan termasuklah:

1.5.1 Pendidikan kesihatan mental atau *Psychoeducation* melalui penwujudan *web chat/messenger* dan QR Code;

1.5.2 Saringan kesihatan mental yang diedarkan kepada petugas kesihatan / PUI / PUS melalui borang *google link*;

1.5.3 Menyediakan dan mengedarkan maklumat / infografik tentang penjagaan kesihatan mental dan cara menangani tekanan melalui media sosial seperti *wechat / whatsapp / telegram* kepada petugas kesihatan dan pesakit;

1.5.4 Melaksanakan sesi PFA (*Psychological First Aid)* secara individu atau berkumpulan kepada petugas kesihatan;

1.5.5 Menjalankan sesi *Psychological First Aid* (PFA) melalui telekaunseling untuk memberi sokongan emosi kepada pesakit dan petugas yang disyaki menghidap Covid-19 dan yang berisiko (PUI dan PUS) di hospital dan Stesen Kuarantin seluruh Negara;

1.5.6 Memberikan sokongan emosi, sokongan psikososial dan dan psiko-spiritual kepada keluarga pesakit Covid-19 yang meninggal dunia;

1.5.7 Melaksanakan intervensi kaunseling yang bersesuaian kepada petugas kesihatan dan pesakit serta ahli keluarga mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19;

1.5.8 Menyampaikan maklumat kepada pesakit, petugas dan orang awam mengenai psikologi dan emosi berkaitan kesan Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan melalui pelbagai media: TV, radio serta melalui maya iaitu Zoom dan Skype; dan

1.5.9 Perkhidmatan Tele-psikososial dan Telekaunseling (melalui panggilan telefon, *whatsapp*, *telegram*, emel dan zoom) kepada orang awam dan pesakit yang memerlukan bantuan melalui talian di Jabatan Kesihatan Negeri dan Hospital-hospital.

1.6 Sesi *pre-deployment* diberikan kepada petugas kesihatan dan sukarelawan daripada agensi lain yang dimobilisasikan ke seluruh negara untuk bertugas membantu mengendalikan pandemic COVID-19. Sesi ini adalah sebagai persediaan mental sebelum pelaksanaan tugasan.

2. Sesi *post-deployment* dan edaran *Mental Health Alert Card* kepada petugas kesihatan yang selesai menjalankan tugas dalam pasukan mengikut rotasi.

3. Di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid (PKRC) MAEPS Serdang, satu pasukan MHPSS (terdiri daripada pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia), ditempatkan semenjak PKRC dibuka pada 9 April 2020 untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan intervensi psikososial kepada pesakit dan staf yang bertugas.

4. Bagi mengelakkan *'burn out'*, petugas kesihatan yang terlibat dalam pengendalian wabak COVID-19 turut diberikan cuti tanpa rekod dengan persetujuan ketua jabatan.

5. KKM turut melaksanakan sesi webinar kepada masyarakat tentang topik kesihatan mental yang berkait dengan tekanan semasa pandemik COVID-19. Sesi ini dikendalikan oleh pakar-pakar psikiatri, pegawai psikologi (klinikal dan kaunseling) dari KKM serta kaunselor dari Persatuan PERKAMA *International*.

6. Perkhidmatan MHPSS turut dibantu oleh kaunselor JKM di peringkat lapangan. Sepanjang tempoh kritikal, KKM juga mendapat kerjasama daripada lebih 15 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut memberi perkhidmatan sokongan psikososial dan bantuan asas psikologi (PFA) kepada masyarakat yang mengalami tekanan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MITRA pada tahun 2019 bagi tujuan pembangunan sosio ekonomi kaum India. Senarai semua pertubuhan yang mendapat peruntukan melebihi RM350,000 daripada MITRA pada tahun 2019. Berapakah peruntukan 2020 yang telah disalurkan, namakan pertubuhan yang menerimanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kronologi MITRA

- Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) merupakan sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula 2014 sehingga Mac 2020;

- Mulai 17 April 2020, pengurusan MITRA diletakkan di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara.

Peruntukan Pembangunan MITRA Bagi Tahun 2019

- Kerajaan telah memberi peruntukan pembangunan sebanyak RM100 juta kepada MITRA bagi tahun 2019;

- Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM58,090,797.09 telah disalurkan kepada 205 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** bagi melaksanakan program-program pembangunan sosio-ekonomi;

- Program tersebut telah **memberi manfaat kepada 117,368 masyarakat India di Malaysia** yang merangkumi pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi, belia berisiko, golongan wanita, orang kurang upaya, banduan dan warga emas;

- Program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India adalah menyeluruh dan merangkumi komponen seperti berikut:

  (i) peningkatan keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang membantu dari segi peluang serta penempatan kerja;
  (ii) latihan dan bimbingan akademik;
  (iii) pembangunan sahsiah dan pengamalan gaya hidup positif
  (iv) penerapan elemen kebudayaan, kesenian dan sukan tradisional;
  (v) pencegahan dan kesedaran mengenai ancaman jenayah serta tingkah laku berisiko (delinkuen); dan
  (vi) pembangunan dan bimbingan dalam bidang keusahawanan

Senarai pertubuhan yang mendapat peruntukan melebihi RM350,000 daripada MITRA pada tahun 2019

- Sebanyak **94 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah menerima peruntukan melebihi RM350,000.00 pada tahun 2019**. Daripada jumlah tersebut sebanyak:

  (i) sebanyak 87 buah NGO menerima peruntukan yang kurang daripada RM1 juta; dan

  (ii) sebanyak 7 buah NGO menerima peruntukan yang melebihi RM1 juta.

[Senarai 94 NGO adalah seperti di Lampiran 1]

Peruntukan Pembangunan MITRA Bagi Tahun 2020 [JPM]

- Pada tahun 2020 pula, MITRA menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM100 juta daripada Kerajaan;

- Sehingga Mac 2020, **(MITRA masih di bawah Jabatan Perdana Menteri)**, peruntukan sebanyak **RM19 juta telah disalurkan kepada 62 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**;

- Program-program ini masih dalam pelaksanaan dan **disasarkan akan membantu 52,749 masyarakat India** dalam meningkatkan taraf sosioekonomi.

[Senarai 62 NGO adalah seperti di Lampiran 2]

Peruntukan Pembangunan MITRA Bagi Tahun 2020 [KPN]

- **Bermula 17 April 2020, pengurusan MITRA diletakkan di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara**;

- Sebagai Kementerian yang baharu, Kementerian sedang menggubal hala tuju dan teras strategik yang lebih komprehensif bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat India;

- Semua program-program pembangunan sosioekonomi di bawah Kementerian adalah **diluluskan melalui sebuah Jawatankuasa Penilaian Program** dan seterusnya **dipantau melalui sebuah Jawatankuasa Pemantauan Program yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha**. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Bahagian Audit Dalam, Integriti, Dasar dan Khidmat Pengurusan Kementerian.

- MITRA melalui Kementerian Perpaduan Negara telah **meluluskan 8 buah program yang berjumlah sebanyak RM10 ribu;**

- Program-program ini akan bermula pada akhir bulan Julai 2020 dan dijangka selesai pada bulan November 2020. Dijangka seramai **673,031 masyarakat India akan menerima manfaat melalui pelaksanaan program**-program berikut di seluruh negara;

[Senarai 8 NGO adalah seperti di Lampiran 3]

- Selain itu, beberapa perancangan lagi yang melibatkan kerjasama strategik dengan agensi dan jabatan Kerajaan serta Kerajaan Negeri adalah dijadual untuk dilaksanakan dalam tahun ini.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1:

SENARAI ORGANISASI YANG MENDAPAT PERUNTUKAN MELEBIHI RM350,000.00 BAGI TAHUN 2019 DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

SENARAI ORGANISASI YANG MENDAPAT PERUNTUKAN MELEBIHI RM350,000.00 BAGI TAHUN 2019 DI BAWAH JPM

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
1	Nama Organisasi : Mykasih Foundation Nama Program : Program Akshaya Patra Mitra (Program Bantuan Makanan Asas)	5,616,000.00
2	Nama Organisasi : Malaysia Maritim Academy Sdn. Bhd. Nama Program : Program Latihan Kemahiran Bidang Maritim SKM Level 3	2,250,000.00
3	Nama Organisasi : Mykasih Foundation Nama Program : Program Bantuan Awal Persekolahan Kelas Peralihan Dan Tingkatan 1 Mitra 2020	2,095,290.00
4	Nama Organisasi : Prasekolah 2019 Nama Program : Program Prasekolah	2,086,362.00
5	Nama Organisasi : Persatuan Guru Tadika Zon Utara, Semenanjung Malaysia (PGT) Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak- Kanak Di Bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia- PGT	1,785,050.90
6	Nama Organisasi : Child Information, Learning & Development Centre (CHILD) Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak- Kanak Di Bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia- CHILD	1,578,521.70
7	Nama Organisasi : Khalsa Diwan Malaysia Nama Program : Program Pembangunan Dan Perkembangan Bahasa Punjabi	1,251,600.00
8	Nama Organisasi : Pertubuhan Pusat Pembangunan Kanak- Kanak Cemerlang (PPPKKC) Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak- Kanak Di Bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia-Pppkkc	1,140,697.90
9	Nama Organisasi : Dayatech Academy Sdn. Bhd. Nama Program : Program Kejuruteraan Mekatronik Untuk Golongan B40 Belia India Malaysia	999,750.00
10	Nama Organisasi : National Association Of Women Entrepreneurs Of Malaysia (Nawem) Nama Program : Saktee (Skills Agility With Knowledge For Transformation In Employment And Empowerment)	995,990.00
11	Nama Organisasi : Mm Matrix Integrity (M) Sdn Bhd Nama Program : Under Water Welding Engineering	992,000.00
12	Nama Organisasi : Make It Right Movement (Mirm) Nama Program : B40 Indian Women Community Development Project	988,650.00

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
13	Nama Organisasi: Ams Academy Learning Centre (M) Sdn. Bhd. Nama Program : 1) Scaffold Erection Level 1 2) Blasting & Painting Operative Level 2	980,500.00
14	Nama Organisasi : Yayasan St John Ambulans Malaysia Nama Program : Geran Untuk Pesakit Dialisis India B40	978,120.00
15	Nama Organisasi : Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia Nama Program : Geran Untuk Pesakit Dialisis India B40	978,120.00
16	Nama Organisasi : Sai Ananda Foundation Nama Program : Perkhidmatan Percuma Rawatan Hemodialisis Sai Ananda	978,120.00
17	Nama Organisasi : University Of Malaya Centre For Continuing Education (Umcced) Nama Program : Professional Certificate In Oil & Gas Industrial Technical Skills (O.G.I.T.S)	951,250.00
18	Nama Organisasi: Qcdms Eraminda Consultants (M) Sdn. Bhd. Nama Program : Reform Training	950,160.00
19	Nama Organisasi : Skills Academy Nama Program : 7 Successful Habits For Lifelong Wellbeing	932,200.00
20	Nama Organisasi : Peug Auto (M) Sdn Bhd Nama Program : Automotive One Stop Centre	903,902.00
21	Nama Organisasi : Yayasan Koreksional Malaysia Nama Program : Permohonan Elaun Penceramah Agama Hindu Di Jabatan Penjara Malaysia	896,260.00
22	Nama Organisasi : Pertubuhan Athma Sakthi India Malaysia Nama Program : Leaders Empowerment Action Program (Leap)	885,875.70
23	Nama Organisasi : Sunrise Training And Retraining Centre Sdn Bhd Nama Program : Program Pemantapan Keboleh Pekerjaan Masyarakat India Dalam Bidang Kemahiran Khas - Boilerman	863,250.00
24	Nama Organisasi: ATC Academy Sdn. Bhd. Nama Program : MITRA Welding Technician Apprentice Scheme	840,000.00
25	Nama Organisasi: TVS Dynamic Skills Solutions Sdn. Bhd. Nama Program : Recognition Of Prior Experiental Learning (RPEL)- JPK Certification	834,800.00
26	Nama Organisasi: Edu Assist Sdn. Bhd. Nama Program : The Master Class – Certified Professionals In Hopitality Management	814,000.00
27	Nama Organisasi: Jsj Consultancy Sdn. Bhd. Nama Program : Skm Level 2 & 3 Mechatronics- Single Tier	813,100.00
28	Nama Organisasi : Asaascom Engineering Sdn Bhd Nama Program : Train And Place: Certified	806,500.00

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
	Telecommunication Engineering For Graduates	
29	Nama Organisasi: Vahtiqa Resources Sdn. Bhd. Nama Program : Nurturing The Talents In Logistics And Supply Chain Management – An Opportunity For Spm Leavers– Professional Diploma In Freight And Supply Chain Management	787,500.00
30	Nama Organisasi : Shanker Crane Trading Nama Program : Crane Operation	771,326.00
31	Nama Organisasi: Pusat Kemahiran Mastura (M) Sdn. Bhd. Nama Program : Program Usahawan Elektrikal Tahap 2 & 3	750,000.00
32	Nama Organisasi: Kolej Wit Sdn. Bhd. Nama Program : Program Sijil Kemahiran Elektrikal Tahap 2&3	750,000.00
33	Nama Organisasi : Women Of Will Nama Program : Business Support With Skills Development For 100 B40 Indian Women Entrepreneurs	743,700.00
34	Nama Organisasi : Ceradana Construction & Trading Nama Program : Heavy Machinery Repairs	735,913.00
35	Nama Organisasi : Crew Skills International (M) Sdn Bhd Nama Program : City & Guilds Diploma In Food Preparation & Cooking With Job Placement	701,850.00
36	Nama Organisasi: Intellize Tech Services Sdn. Bhd. Nama Program : Train And Place: Cybersecurity Professional Certificate For Graduates	700,000.00
37	Nama Organisasi : Auto Prima Technology Training Sdn. Bhd. Nama Program : Sijil Kemahiran Malaysia Automotif Servis Selepas Jualan Tahap 2 & International Level 2 Diploma In Light Vehicle Maintenance And Repair	700,000.00
38	Nama Organisasi: Effingham Centre Of Technology Sdn. Bhd. Nama Program : Basic Aircraft Maintenance Engineering	690,000.00
39	Nama Organisasi : Persatuan Pendidikan Inovasi Negeri Selangor Nama Program Program Pembasmian "Dropout" - "Re-engineering" Minda Pelajar:	680,000.00
40	Nama Organisasi : Solid Heat (M) Sdn Bhd Nama Program : Solar And Dry Sell Battery	671,426.00
41	Nama Organisasi: Perniagaan Arrafiq Sdn. Bhd. Nama Program : Construction Services	662,266.00
42	Nama Organisasi : Bengkel Steben Motor Nama Program : Big Bikes Repair	662,094.00
43	Nama Organisasi : Eb Talents Sdn Bhd Nama Program : Professional Certification In Hospitality, Food And Beverage	660,000.00
44	Nama Organisasi : Pertubuhan Impact Malaysia Nama Program : Program Literasi Kewangan, Bijak Wang	647,000.00

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
	Untuk Sekolah Rendah Jenis Tamil (Sjkt)	
45	Nama Organisasi : KMM Safety Success Services Nama Program : Program Aperintis Penyelia Keselamatan Dan Kesihatan	640,000.00
46	Nama Organisasi : Pusat Teknikal Spectrum Sdn. Bhd. Nama Program: Program Kemahiran Kulinari Tahap 2 & 3	620,000.00
47	Nama Organisasi : Pertubuhan Athma Sakthi India Malaysia Nama Program : Program Nexgen	619,774.00
48	Nama Organisasi: Luminous Systems Sdn. Bhd. Nama Program : Train & Place: Professional Certificate In Huawei Certified ICT Associate- Huawei Networking Technology And Device (HCIA-HNTD)	613,000.00
49	Nama Organisasi: Shah Educational Systems Sdn. Bhd. Nama Program : Train And Place Program: Professional Certification In Data Science	600,000.00
50	Nama Organisasi : Jotac Academy Sdn Bhd Nama Program : Cathodic Protection Technician Certification Program(Cpt)	600,000.00
51	Nama Organisasi : Hummingsoft Sdn Bhd Nama Program : Software Engineering As A Career	589,000.00
52	Nama Organisasi : Royal Institution Academy Nama Program : Job Skill & Cabin Crew Training	570,000.00
53	Nama Organisasi : Persatuan Brahma Kumaris Malaysia Nama Program : Masyarakat India Berkaliber	556,490.00
54	Nama Organisasi : Sai Ananda Foundation Malaysia Nama Program : Program Bantuan Pendidikan Mitra Peringkat Kebangsaan (Pbpm) Tahun 2019	544,000.00
55	Nama Organisasi : Pertubuhan Kebajikan Bhagawan Sri Ramakrishna Malaysia (The Bhagawan Sri Ramakrishna Malaysia Charity And Welfare Association) Nama Program : Students Knowledge & Skill Empowering Program	541,396.00
56	Nama Organisasi : Insight Network Sdn Bhd Nama Program : Professional Diploma In Post Natal Care And Management	535,200.00
57	Nama Organisasi: Manavar Kalvi Solution (M) Sdn. Bhd. Nama Program : Professional Diploma In Geriatric Care And Management	535,200.00
58	Nama Organisasi : Flyways Trainers And Consultants Nama Program : MITRA Airport Talent Development Programme	535,000.00
59	Nama Organisasi: Majestic International Sdn. Bhd. Nama Program : Professional Diploma In Health Care Administration	530,200.00
60	Nama Organisasi : Pertubuhan Ketua Komuniti Kaum India Selangor Nama Program : Entrepreneurship & Job Placement: Yes-	528,050.00

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
	Youth Empowerment Selangor	
61	Nama Organisasi: Prestige Visa Sdn. Bhd. Nama Program : Professional Diploma In Child Care And Management	527,700.00
62	Nama Organisasi : Pertubuhan Rangkaian Perniagaan India Malaysia Nama Program : Entrepreneurship Development Program : Business Literacy For Graduates	519,000.00
63	Nama Organisasi : Tara Foundation Nama Program : Program Transformasi Generasi Baru Di Desa Menteri	502,000.00
64	Nama Organisasi : Kolej Ivc (Intellect Vast Consultants) Sdn Bhd Nama Program : 1) Gasfitter Lv 1 & Lv 2 , Kod Bidang (Ftg Iii & Ftg Ii)- Class 3 Dan 2	500,000.00
65	Nama Organisasi : Persatuan Ajaran Tokoh Aum Sri Ramakrishna Parammahamsar Peedam, Kulaijaya, Johor Nama Program: To Know Sakthi, Learn Sakthi	500,000.00
66	Nama Organisasi : Persatuan Kebajikan Sri Saradha Devi Illam Malaysia Nama Program : Holistic Education Program Towards Excellence	498,450.00
67	Nama Organisasi : Persatuan Kebajikan Bersatu Jaya, Johor Bahru,Johor Nama Program : Tuisyen Program For B40 Category Needy Family Kids	487,440.00
68	Nama Organisasi : Persatuan Gaya Hidup Lestari Biji-Biji Kuala Lumpur Dan Selangor Nama Program : Social Entrepreneurship Program For Indian Youths With Ex-Offenders Assimilation Model	479,380.00
69	Nama Organisasi: Muc Academy Sdn. Bhd. Nama Program : Latihan Pembangunan Kemahiran Teknikal Dengan Kerjasama Panasonic	477,200.00
70	Nama Organisasi : Persatuan Telugu Malaysia (Malaysian Telugu Sangamu) Nama Program : Kelas Bahasa Telugu	471,300.00
71	Nama Organisasi : Pertubuhan Anti Jenayah Bersatu Malaysia Nama Program : Program Pengurusan Logistik Dan Rangkaian Bekalan	468,700.00
72	Nama Organisasi : Mind Network Academy Nama Program : Program Indian Traditional Trade (Artisan) Skill Development	460,800.00
73	Nama Organisasi : Dewan Pembangunan Usahawan Digital Nama Program : Entrepreneurship Development Program: E-Commerce Digital Entrepreneur	459,900.00

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
74	Nama Organisasi: Sheq Management Consultant Sdn. Bhd. Nama Program : Program Agropreneur Peneroka India Felda (Apif)- Penternakan Lebah Kelulut & Penternakan Ayam Kampung	450,000.00
75	Nama Organisasi: Adroit Training Sdn. Bhd. Nama Program : Professional Drone Operator	450,000.00
76	Nama Organisasi : Sukses Dinamik Enterprise Nama Program : Train And Place: Cruise Crew	445,000.00
77	Nama Organisasi : Koperasi Pembangunan Pendidikan Berhad Nama Program : Train & Place: Diploma In Directing & Cinematography	438,000.00
78	Nama Organisasi : The Tun Hussein Onn National Eye Hospital Nama Program : Certificate In Ophthalmic Technician Programme	435,000.00
79	Nama Organisasi: Silicon Technology Centre Sdn. Bhd. Nama Program : A. Industrial Automation (Mechatronics- Smart Manufacturing Using IOT B. Industrial Electronics With Industry 4.0	433,000.00
80	Nama Organisasi : Independent Living & Training Centre Malaysia Nama Program : Program Memperkasa Golongan Kelainan Upaya Masyarakat India	432,087.00
81	Nama Organisasi : Havi Engineering & Training Consultants Sdn Bhd Nama Program : Pemasangan Dan Penyelenggaraan Penghawa Dingin	431,600.00
82	Nama Organisasi : Pertubuhan Intelektual Dan Inovasi Malaysia Nama Program: Kursus Robotik Dan Koding Tahap 1 Bagi Pelajar-Pelajar India B40, Luar Bandar Dan Bengkel Untuk Guru-Guru Sekolah Sjk (T).	429,960.00
83	Nama Organisasi : The Divine Life Society Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak- Kanak Di Bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia-Dls	402,685.50
84	Nama Organisasi : Solis International Academy Nama Program : Program Jahitan Pakaian Moden Masyarakat Malaysia	396,485.00
85	Nama Organisasi: Malaysian Allied Health Sciences Academy Sdn. Bhd. Nama Program : Executive Certificate In Healthcare Assistance	395,800.00
86	Nama Organisasi : Malaysia Hindu Sangam Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak- Kanak Di Bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia-Mhs	391,990.60

BIL	NAMA ORGANISASI & NAMA PROGRAM	JUMLAH (RM)
87	Nama Organisasi : Pertubuhan Warisan Amara Nama Program : Majestic Mind Centre (Score)	391,353.00
88	Nama Organisasi: C & G Analytica Sdn. Bhd. Nama Program : Equity Development Program: Invest & Progress	375,000.00
89	Nama Organisasi : Arkworld Asia Plt Nama Program : Equity Development Program: Stock Market Investment & Trading	375,000.00
90	Nama Organisasi : Kelab Belia India Taman Rahang Nama Program : Leaders Empowerment Action Program (Leap)	366,592.60
91	Nama Organisasi: Otpam It Hub Nama Program: Certificate In IOS & Android Mobile Apps Development Ionic Course	366,440.00
92	Nama Organisasi : Pertubuhan Generasi Intelek Malaysia Nama Program : Youth -Leadership Dan Inovasi Teknologi Entrepreneur	365,200.00
93	Nama Organisasi: Medallion Skill Academy (M) Sdn. Bhd. Nama Program : Program Diploma (DKM) It Rangkaian Komputer	362,500.00
94	Nama Organisasi : GLM Hospitality & Tourism Academy Nama Program : Kursus Pemandu Pelancong – Tahap 3	360,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**70,226,518.90**

LAMPIRAN 2:

PENERIMA GERAN MITRA (10 MAC 2020) DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

SENARAI PENERIMA GERAN MITRA (10 MAC 2020) DI BAWAH JPM

BIL	NAMA ORGANISASI DAN PROGRAM	JUMLAH (RM)
1	Nama Organisasi : Sukses Dinamik Enterprise Nama Program : Program "Train And Place: Cruise Crew"	890,000.00
2	Nama Organisasi: Intellize Tech Services Sdn.Bhd. Nama Program : Program "Train And Place: Cybersecurity Professional Certificate For Graduates"	824,000.00
3	Nama Organisasi: Global Strategic Partners Sdn.Bhd. Nama Program : Program "Train And Place: Certificate In Certified Network Technician And Certified Associate Programmer"	300,000.00
4	Nama Organisasi: Century Software (Malaysia) Sdn.Bhd. Nama Program : Program "Train And Place: Cloud Administrator Engineer & Certified Wintel Engineeer"	579,600.00
5	Nama Organisasi : Persatuan Perniagaan India Selangor Dan Wilayah (Selangor Wilayah Indian Business Association) (Swiba) Nama Program : Entrepreneurship Development Program : Mobile Petty Traders Program	350,700.00
6	Nama Organisasi : Sentuhan Tuah Sdn Bhd Nama Program : Program: 1. Profesional Certificate In Microsoft Certified Azure Devops Engineer 2. Certified Microsoft Azure Data Scientist Associate Microsoft 3. Certified Azure Ai Engineer Associate 4. Burlington English Certificate	988,066.00
7	Nama Organisasi : Dewan Perniagaan Dan Perindustrian India Kuala Lumpur Dan Selangor Nama Program : Entrepreneurship Development Program : Accelerating Pitching Startups	635,000.00
8	Nama Organisasi : Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian India Malaysia (The Malaysian Associated Indian Chambers Of Commerce And Industry) Nama Program : Program Fasilitasi Pinjaman Perniagaan Mikro	994,138.00

BIL	NAMA ORGANISASI	JUMLAH (RM)
9	Nama Organisasi : Koperasi Estet Selangor Berhad Nama Program : Penerbitan Buku Panduan Mengenai Gran Dan Bantuan Kewangan Yang Disediakan Oleh Kerajaan Dan Agensi Dibawahnya Bagi Pembangunan Usahawan Kecil Dan Sederhana	250,000.00
10	Nama Organisasi : Shukra Industrial Solutions Sdn Bhd Nama Program : Kursus “Plc Programming And Troubleshooting	298,450.00
11	Nama Organisasi : Teqnida Sdn Bhd Nama Program : Electrical Substation Testing , Service & Maintenance	297,200.00
12	Nama Organisasi : Asia Pacific University Of Technology And Innovation (Apu) Nama Program : Creative Computing	290,320.00
13	Nama Organisasi : Persatuan Masyarakat Membina Masyarakat Nama Program: The Problems Faced By Malaysian-Indians, Causes, And Solutions.	816,805.00
14	Nama Organisasi : Pure Life Society Nama Program : Transforming Lives Of Underprivelledge And Orphan Indian Children	426,000.00
15	Nama Organisasi : Pertubuhan Pengurusan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Sanathana Dharma Ashram,Sitiawan Nama Program : Program Bantuan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak	302,260.00
16	Nama Organisasi : Yayasan Pendilidikan & Pembangunan Pendidikan Tamil Malaysia Nama Program : Program Ibubapa Memastikan Peningkatan Akademik Anak (Impak)	605,350.00
17	Nama Organisasi : Knowledge Tree Plt Nama Program : Program "Train The Trainer-Women Empowerment To Support The Young Girls"	75,700.00
18	Nama Organisasi : Pertubuhan Kepimpinan Dan Kemajuan Wanita Muda Malaysia Nama Program : Program "Young Girls Empowerment Boot Camp"	183,819.00
19	Nama Organisasi : Kabilan Kts Enterprise Nama Program : Persama Together 4 Autism	100,000.00

BIL	NAMA ORGANISASI	JUMLAH (RM)
20	Nama Organisasi : Kelab Marshal Keselamatan Jalan Raya Kuala Lumpur (Rsmc) Nama Program : City Survival Women Street Crime Training Program	200,000.00
21	Nama Organisasi : Pertubuhan Ginovasi Masyarakat Selangor Nama Program : Program Intervensi Dan Pencegahan Masalah Seksual Di Kalangan Remaja India Tahun 2020	280,000.00
22	Nama Organisasi : Divine Arts Creations Nama Program : Projek Insan 2.0 (Igniting Self Awareness And Nourishment)	195,000.00
23	Nama Organisasi : Pertubuhan Hindu Dharma Malaysia Nama Program : Program “Dharma Religious Education"	988,956.00
24	Nama Organisasi : Persatuan Kabbadi Johor Nama Program : Kursus Kejurulatihan Kabbadi Tahap 1	316,800.00
25	Nama Organisasi : Persatuan Kebangsaan Malayalee Malaysia (All Malaysia Malayalee Association) Nama Program : Program “Nationwide Malayalam Clas	230,650.00
26	Nama Organisasi : Reliance Star Media Nama Program : “Hindu Education And Leadership Programme” (Help)	152,560.00
27	Nama Organisasi : Pertubuhan Akademik Muzik India Pulau Pinang Nama Program : Program “Strengthening Indian Identity For Youth Through Song Making Workshop”	220,000.00
28	Nama Organisasi : The Committee Of Management Of The Sri Subramaniya Swami Temple, Kajang Nama Program : Program “Empowering Families”	210,940.00
29	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Sri Muniswarar Alayam San Peng Kuala Lumpur Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
30	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Sri Karumariamman Paya Besar Lunas Kedah Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00

BIL	NAMA ORGANISASI	JUMLAH (RM)
31	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Sri Maha Mariamman Batu 13 Hutan Melintang Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
32	Nama Organisasi : Kuil Sree Bala Thandayuthapani, Padang Serai, Kedah Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
33	Nama Organisasi : Subramania Swamy Temple Kuala Selangor Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
34	Nama Organisasi : Sri Muniswarar Temple Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
35	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman, Segamat Baru, Segamat, Johor Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
36	Nama Organisasi : Pertubuhan Pengurusan Kuil Subramaniyar Alayam Rumah Murah Bt 16 Rawang, Selangor Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
37	Nama Organisasi : Badan Pentadbir Hindu Devasthanam, Bidor, Perak Nama Program :	187,300.00
38	Nama Organisasi : Jawatankuasa Pengurusan Kuil Sri Sithi Vinayagar, Telok Bunut, Banting Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
39	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Sri Muniandy, Saleng, Johor Nama Program : Temple As Seva Centre	187,300.00
40	Nama Organisasi : Persatuan Penganut Sri Nyanananda Nama Sangeerthana Malaysia Nama Program : Let's Learn Hindu	272,440.00
41	Nama Organisasi : Pertubuhan Kebajikan Dharma Shakti Sentul Kuala Lumpur Nama Program : Reach Out Program (I-38)	276,800.00
42	Nama Organisasi : Persatuan Kebajikan Angkatan Gemilang Nasional India (Agni) Nama Program : Ilainyar Manithaneyam Menpaadu Vizha	299,989.80
43	Nama Organisasi : Indera Nilam Sdn Bhd Nama Program : Skrin Green Studio Dan Keusahawanan	199,250.00

BIL	NAMA ORGANISASI	JUMLAH (RM)
44	Nama Organisasi : Pranava Humanity Intuitional Research Gurukul Society, Malaysia (Pranava Gurukul) Nama Program : " Hand Hold Programme For The High-Risk Secondary School Students (B40 Indians) For A Remarkable Self – Transformation Towards Human Excellence "	250,000.00
45	Nama Organisasi: Mts Mega Auto Sdn. Bhd. Nama Program : Panel Beating And Spraying Painting	677,136.00
46	Nama Organisasi: Sai Ram Capital Sdn. Bhd. Nama Program : Modern Farming (Agriculture)	762,286.00
47	Nama Organisasi : Myskills Foundation Nama Program : Program Transformasi Holistik Dan Latihan Kemahiran Bagi Belia Berisiko Tinggi	995,400.00
48	Nama Organisasi : Educational, Welfare & Research Foundation Nama Program : Civil Society Intervention	570,724.00
49	Nama Organisasi : Pertubuhan Titian Digital Malaysia (Ptdm) Nama Program : Program Titian Digital	229,140.00
50	Nama Organisasi : Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. Nama Program : Operasi Servis Makanan & Minuman	541,400.00
51	Nama Organisasi : Penerbitan Vetri Mayil (M) Sendirian Bhd Nama Program : Majalah Bulanan Dewan Mitra	604,000.00
52	Nama Organisasi : Gedeihen Engineering Sdn Bhd Nama Program : Partner Capacity Development	331,142.00
53	Nama Organisasi : Persatuan Guru Tadika Zon Malaysia Nama Program : Kelas Bimbingan Kanak Kanak Pgt /Mitra	2,509,920.00
54	Nama Organisasi : Pertubuhan Tadika-Tadika Swasta Dls Nama Program : Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Program Mitra Pertubuhan Tadika-Tadika Swasta Dls	660,240.00

BIL	NAMA ORGANISASI	JUMLAH (RM)
55	Nama Organisasi : Child Information, Learning And Development Centre (Child) Nama Program : Program Bimbingan Bagi Kanak-Kanak Dibawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia	2,210,040.00
56	Nama Organisasi : Malaysia Hindu Sangam-Yayasan Atmah Nama Program : Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Mitra/Malaysia Hindu Sangam-Yayasan Atmah	520,380.00
57	Nama Organisasi : Pertubuhan Pusat Pembangunan Kanak-Kanak Cemerlang Nama Program : Kelas Bimbingan Kanak- Kanak Mitra-Pppkkc	1,675,800.00
58	Nama Organisasi : Smr Hr Group Sdn Bhd Nama Program : Certificate In Food & Beverage Service Operation	300,000.00
59	Nama Organisasi : Cucms Education Sdn Bhd Nama Program : Certificate In Data Privacy & Ethics	404,500.00
60	Nama Organisasi : Adasta Network Sdn Bhd Nama Program : Certified Network Engineer For Ipv6 (Silver)	285,285.70
61	Nama Organisasi : Pertubuhan Sains Teknologi Dan Inovasi Nama Program : National Level Science Fair For Young Children	224,350.00
62	Nama Organisasi : Vanakkam Malaysia Dotcom Sdn Bhd Nama Program : Maanavar Muzhakkam-Pertandingan Pidato Tamil Peringkat Kebangsaan Untuk Pelajar-Pelajar Sjkt	277,841.00

LAMPIRAN 3:

PENERIMA GERAN MITRA, KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

BIL	NAMA ORGANISASI DAN PROGRAM	JUMLAH (RM)
1	Nama Organisasi : Persatuan Wanita Berjaya Sejati Malaysia Nama Program : Program Pemerkasaan Wanita India	1,134,000.00
2	Nama Organisasi: UNITAR International Academy Nama Program : Program *Professional Certificate In Business Analytics*	763,308.00
3	Nama Organisasi: Persatuan Pemangkin Usahawan Sosial Nama Program : Program *Social Entrepreneurship Bootcamp*	641,800.00
4	Nama Organisasi: Knowledgecom Sdn Bhd Nama Program Program *Certified Artificial Intelligence Practitioner*	401,400.00
5	Nama Organisasi : Pertubuhan Psikologi Sekolah Malaysia Nama Program : Program Intervensi Masalah Pembelajaran Di Kalangan Murid-Murid SJKT	605,560.00
6	Nama Organisasi : Sai Ananda Foundation Nama Program : Program Bantuan Pendidikan IPTA MITRA Peringkat Kebangsaan	749,000.00
7	Nama Organisasi : Malaysia Hindu Sangam (MHS) Nama Program : Program Bantuan Kewangan Khas MITRA Kepada Rumah Ibadat Hindu	5,030,200.00
8	Nama Organisasi : Yayasan Sikh Malaysia Nama Program : Program SEHAJ – Ke Arah Komuniti Maju dan Sihat	852,160.00

SOALAN NO : 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN:

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan kemampuan program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) untuk meningkatkan pendapatan penoreh getah sejak ia dilaksanakan dan keberkesanan sistem tuntutan IPG dalam talian *e-rubber* dimanfaatkan oleh penoreh getah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sejak tahun 2015 sebagai satu mekanisme sokongan harga ladang getah dengan tujuan untuk mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil getah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh sewaktu harga rendah di pasaran. Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG pada masa ini akan teraktif apabila harga *Standard Malaysian Rubber* (SMR) 20 di bawah paras RM6.10 sekilogram atau harga getah sekerap di bawah RM2.50 sekilogram. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM317.88 juta sejak September 2015 sehingga Mei 2020 yang merangkumi 2.23 juta tuntutan oleh pekebun kecil.

SOALAN NO : 11

Pada 27 Jun 2020 yang lalu, YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah melancarkan aplikasi RRIMniaga yang merupakan inovasi terbaharu Lembaga Getah Malaysia (LGM). Secara asasnya, RRIMniaga adalah satu aplikasi telefon pintar bagi tujuan merekodkan urus niaga getah oleh pelesen/pembeli/peraih (*dealer*) bagi memudahkan urus niaga getah oleh pelesen/pembeli/peraih yang berdaftar dengan LGM. Aplikasi ini juga akan mempermudah aktiviti urus niaga getah sedia ada dan membolehkan proses transaksi getah berjalan dengan lancar dan telus bagi kebaikan semua pihak yang terlibat dalam urusan jual beli getah.

Di samping itu, RRIMniaga mempunyai kelebihan memandangkan ia dapat dihubungkan terus dengan sistem IPG (yang menyimpan data pekebun kecil) bagi setiap aktiviti urus niaga getah. Oleh itu, pekebun kecil akan mendapat manfaat IPG tanpa melalui proses konvensional kerana RRIMniaga merekod transaksi pembelian secara automatik dan mengeluarkan resit pembelian secara elektronik. Pekebun kecil tidak perlu lagi ke pejabat LGM untuk membuat permohonan IPG kerana IPG akan disalurkan terus ke akaun bank pemohon.

Oleh hal yang demikian, pendekatan ini diharap dapat memudahkan proses tuntutan IPG di kalangan pekebun kecil sekaligus memastikan pekebun kecil dapat menikmati insentif yang telah diperkenal oleh pihak Kerajaan bagi mendengar rintihan dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil semasa kejatuhan harga pasaran getah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah *Persons Under Investigation* (PUI) dan *Persons Under Surveillance* (PUS) COVID-19 yang dikenakan kuarantin mandatori sehingga kini, mengikut negeri-negeri. Nyatakan butir-butir kos, termasuk bil penginapan hotel, yang ditanggung sehingga kini oleh Kementerian, mengikut negeri negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Person Under Surveillance* (PUS) adalah mereka yang tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala COVID-19 tetapi mempunyai faktor risiko jangkitan COVID-19 seperti kontak rapat kepada kes COVID-19 atau sejarah melawat ke kawasan yang berisiko COVID-19.

2. Manakala *Patient Under Investigation* (PUI) adalah mereka yang mempunyai gejala jangkitan saluran pernafasan (sesak nafas, batuk, sakit tekak) dan dengan atau tanpa demam dan sejarah perjalanan ke kawasan risiko jangkitan COVID-19, atau kontak rapat dengan kes COVID-19 dalam masa 14 hari. Semua PUI akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut.

3. Mengambilkira risiko COVID-19 yang tinggi dalam kalangan PUS, Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk menempatkan PUS di stesen kuarantin. Oleh itu, sebanyak 1,572 premis telah diwartakan sebagai stesen kuarantin. Stesen kuarantin yang telah diwartakan termasuk Institut Latihan Awam (ILA), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), hotel, Kolej Universiti, Rumah Rehat dan Asrama. Sehingga 7 Julai 2020, sejumlah **321 buah stesen kuarantin yang terdiri dari 160 Institut Latihan Awam/ lain-lain dan 161 buah hotel**, yang telah diwartakan ini telah diaktifkan dan digunakan.

4. PUS bagi kontak kes COVID-19 menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian selama 14 hari di stesen kuarantin yang telah diwartakan bermula pada 14 Mac 2020. Sementara itu, PUS bagi rakyat yang pulang dari luar negara diwajibkan untuk perintah pengawasan dan pemerhatian di stesen kuarantin sejak 3 April 2020 sehingga 31 Mei 2020 di mana kos perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Manakala pada 1 Jun 2020 sehingga 9 Jun 2020, semua PUS dari luar negara dikehendaki untuk membayar separuh daripada kos perbelanjaan di stesen kuarantin. Pada 10 Jun 2020, semua PUS dari luar negara diwajibkan untuk menjalankan kuarantin di rumah sendiri / tempat penginapan. Sehingga 7 Julai 2020, sebanyak **107,628 PUS** telah diletakkan di bawah Perintah pengawasan dan pemerhatian di **321 buah** stesen kuarantin yang telah diwartakan yang terdiri daripada 160 premis Institut Latihan Awam (ILA) / lain-lain dan 161 buah hotel.

5. Setiap rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara (PUS) adalah diwajibkan menjalani saringan kesihatan di setiap pintu masuk antabangsa (PMA) Malaysia, yang termasuk lapangan terbang, pelabuhan dan pintu masuk darat negara. Sehingga 7 Julai 2020, sebanyak 65,990 sampel pertama (ujian *Real-time Reverse Transcription - Polymerase Chain Reaction* – rt-PCR atau *Rapid Test Kit Antigen* – RTK Ag*)* diambil bagi orang yang pulang dari luar negara. Bagi sampel yang positif, pesakit akan dirujuk terus ke hospital untuk menjalani rawatan. PUS juga diwajibkan untuk mengambil sampel kedua untuk ujian *Rapid Test Kit* Antibodi (RTK Ab) pada hari ke-13 sebelum tempoh kuarantin selama 14 hari tamat. Sehingga 9 Julai 2020 sejumlah **1,565,870** ujian rt-PCR dan RTK Ag telah dijalankan dari **829,988** individu, di makmal

kerajaan dan swasta di seluruh negara. Dari jumlah ini, sejumlah **8,683 individu** yang telah didapati positif.

6. Skop tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di stesen kuarantin adalah dalam memberi sokongan teknikal dan perkhidmatan kesihatan termasuk saringan, rawatan, merujuk kes-kes bergejala dan kes positif ke hospital serta menjalankan pencegahan jangkitan termasuk pendidikan kesihatan dan pematuhan terhadap garispanduan sediaada. Petugas kesihatan membuat pemantauan gejala secara harian bagi setiap PUS sehingga tamat kuarantin. Di samping itu, mereka juga mengambil sampel *nasopharyngeal swab* pada hari pertama untuk ujian rt-PCR dan ujian RTK Antibodi (RTK Ab) pada hari ketigabelas.

7. Semua kos pengurusan Stesen Kuarantin ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sehingga 7 Julai 2020, NADMA telah membelanjakan sejumlah RM142 juta yang diperincikan seperti berikut:

7.1 RM105.4 juta: pengurusan stesen kuarantin hotel yang disalurkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;

7.2 RM29 juta: disalurkan kepada semua Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pengurusan stesen kuarantin di negeri masing-masing;

7.3 RM4 juta: mengurus stesen kuarantin di Institut Latihan Awam (ILA); dan

7.4 RM3.6 juta: pengurusan stesen kuarantin bagi menempatkan PUS yang dibawa pulang melalui Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana dari Wuhan, China, Iran, Itali dan Surabaya, Indonesia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Lembaga Tabung Haji akan mengekalkan subsidi kos mengerjakan haji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini semua jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji kali pertama adalah layak untuk menerima Bantuan Haji daripada Lembaga Tabung Haji (***TH***), termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Kos menunaikan haji (Kos Haji) sebenar untuk jemaah haji Muassasah bagi Musim Haji 1441H/2020M adalah sebanyak RM22,900 seorang. Manakala Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali (iaitu jumlah Kos Haji ditolakkan dengan Bantuan Haji) adalah kekal pada RM9,980 seorang. Ini bermakna ***TH*** menanggung Bantuan Haji sebanyak RM12,920 seorang untuk setiap jemaah yang layak.

NO. SOALAN : 13

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 11 Jun 2020 yang lalu, Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk menangguhkan penghantaran bakal haji Malaysia ke Tanah Suci kerana wabak jangkitan Covid-19 bagi menjaga keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan mereka. Kerajaan Arab Saudi juga pada 22 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa ibadat haji tahun ini hanya akan diteruskan dengan bilangan jemaah haji yang terhad dan dibenarkan kepada mereka yang berada di Arab Saudi sahaja. Sehubungan dengan penangguhan ibadat haji untuk semua rakyat Malaysia pada tahun ini, tiada Bantuan Haji diberikan oleh ***TH*** bagi Musim Haji 1441H/2020M. ***TH*** juga telah mengembalikan wang Bayaran Haji kepada semua bakal jemaah yang telah membuat bayaran tersebut.

Kerajaan ingin menegaskan bahawa segala dasar yang dilakukan berkenaan Bayaran Haji adalah kekal dan tiada sebarang perubahan dasar akan dilakukan. Kerajaan akan terus mengutamakan kepentingan rakyat khususnya umat Islam dalam melunaskan niat mereka sebagai pendeposit Tabung Haji untuk menunaikan ibadat haji di Tanah Suci.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi Kementerian bagi pembekalan ubat di farmasi hospital Kerajaan untuk diagihkan kepada pesakit. Apakah tempoh masa bagi pengagihan ubat dan siapakah yang layak bagi perkhidmatan penghantaran secara pos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM sentiasa menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit.

2. Pembekalan ubat di fasiliti farmasi KKM adalah bergantung kepada preskripsi yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan di fasiliti tersebut. Bagi pesakit berpenyakit kronik, pembekalan ubat adalah untuk tempoh sebulan atau dua bulan sahaja. Ini adalah bagi menjamin kualiti ubat yang disimpan di rumah, memudahkan pemantauan kejadian kesan sampingan yang tidak diingini, memastikan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat, mengelakkan pembaziran serta mengurangkan risiko berlakunya kesilapan pengubatan akibat stok ubat berlebihan yang boleh disalahguna oleh orang lain.

3. Namun, praktis pembekalan ubat secara susulan telah menimbulkan beberapa kesulitan akibat daripada pesakit perlu hadir beberapa kali ke farmasi untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan seperti kesesakan serta waktu menunggu lama di farmasi, beban kos pengangkutan serta kesuntukan masa bagi pesakit terlibat.

4. Sehubungan itu, untuk mempelbagaikan cara pendispensan bekalan ubat susulan kepada pesakit terlibat, inisiatif Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi telah diperkenalkan terutamanya bagi pesakit dengan preskripsi jangka panjang (melebihi sebulan), antaranya:

4.1 Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB);

4.2 Sistem Temujanji;

4.3 Farmasi Pandu Lalu;

4.4 Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP); dan

4.5 Locker4U.

5. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pesakit yang stabil dan memahami serta mematuhi cara pengambilan ubat yang betul.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) ialah perkhidmatan pembekalan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos dengan caj kiriman yang telah ditetapkan yang ditanggung oleh pesakit. Dengan ini pesakit tidak perlu hadir ke kaunter farmasi KKM untuk mendapatkan bekalan ubat susulan seterusnya. Sehingga kini, sejumlah 278 fasiliti KKM (hospital dan klinik kesihatan) menawarkan perkhidmatan ini.

7. Bagi penyediaan ubat-ubatan untuk penghantaran melalui UMP, ianya akan dilaksanakan 10 hari sebelum tarikh bekalan susulan pesakit. Ini adalah untuk memastikan pesakit akan menerima ubat pada tarikh yang ditetapkan supaya bekalan ubat pesakit tidak putus.

8. Mengikut garis panduan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos yang diterbitkan pada 2010 oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM, hanya pesakit yang stabil, patuh dan faham mengenai terapi pengubatan serta faham cara penggunaan dan pengambilan ubat akan ditawarkan untuk perkhidmatan ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan formula yang digariskan Kerajaan dalam menangani gejala ethnocentric dalam politik dan ekonomi Malaysia.

NO SOALAN : 15

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara sentiasa berusaha mengambil langkah strategik untuk memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara telah merencanakan beberapa usaha, antaranya adalah seperti berikut :

a) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2.0.

b) Membangunkan Indeks Perpaduan Nasional 2.0 untuk menggambarkan tahap perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

c) Menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial.

Fungsi MPPN:

- bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan
- membincangkan isu-isu perpaduan serta usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut
- mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

d) Menubuhkan dua Jawatankuasa bagi menyokong MPPN:

- Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara (JKPPN); dan
- Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JKTPN).

e) Melaksanakan Pendidikan Rukun Negara dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

f) Memperkasakan Kelab Rukun Negara di 6,621 buah sekolah dari 10,220 sekolah seluruh negara.

g) Memperkasakan 172 Sekretariat Rukun Negara di IPT.

h) Memperkasakan 1,781 Tabika Perpaduan.

i) Melaksanakan Modul Silang Budaya.

j) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga.

k) Memperkasakan khidmat 400 Mediator Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan yakin dan percaya bahawa pelbagai usaha yang telah dan akan dilaksanakan untuk menangani isu yang menyentuh kaum, agama, politik dan ekonomi termasuk gejala *ethnocentric* merupakan satu perjuangan berterusan memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sebarang perubahan di dalam strategi pemasaran minyak sawit Malaysia selepas pandemik COVID-19 khususnya di sektor Eropah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun negara sedang menghadapi cabaran pandemik COVID-19, Kementerian telah bersedia dan mempunyai pelbagai strategi untuk memastikan industri sawit negara terus kekal berdaya saing khususnya di sektor benua Eropah.

Dalam hal ini, Kementerian sedang melaksanakan pelbagai langkah promosi menerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit ke negara-negara Eropah dalam usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya dari aspek kemampanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Develompent Goals - SDGs*) 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Aktiviti promosi ini juga turut melibatkan kerjasama daripada pejabat kedutaan Malaysia di Eropah khususnya bagi perkara yang melibatkan perhubungan antara Kerajaan (*Government to Government – G to G*) serta penglibatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran.

Selain itu, perbincangan secara berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan di negara Kesatuan Eropah (EU) juga giat diadakan bagi menyelesaikan isu persepsi negatif terhadap minyak sawit dengan menyampaikan hasil-hasil kajian saintifik berkaitan minyak sawit menerusi Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke negara-negara EU.

Antara perkara lain yang diketengahkan dalam sesi perbincangan dan misi tersebut adalah mengenai kesungguhan dan komitmen Malaysia dalam membangunkan industri sawit negara secara mampan menerusi pelbagai inisiatif seperti:

i. pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori mulai 1 Januari 2020;

ii. pengukuhan polisi dalam melestarikan aktiviti penanaman sawit negara seperti:

1. Mengehadkan keluasan penanaman kelapa sawit seluruh negara dengan penetapan sasaran seluas 6.5 juta hektar;

2. Larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut;

3. Larangan penukaran guna tanah Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi aktiviti penanaman sawit atau tanaman pertanian lain; dan

4. Penyediaan peta rasmi bagi kawasan sawit untuk capaian umum.

iii. penglibatan industri sawit negara dalam usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar termasuk pemuliharaan hutan hujan tropika dan rehabilitasi biodiversiti negara seperti orang utan dan gajah pygmy.

Pada masa yang sama, Malaysia juga akan turut mempergiatkan lagi program kerjasama bersama negara anggota EU dalam pelbagai aspek seperti kajian dan penyelidikan, kemampan dan lain-lain. Antara program sedia ada yang sedang dilaksanakan termasuklah program berkaitan kemampanan dan pembangunan pekebun kecil seperti yang dilaksanakan bersama agensi luar daripada Belanda.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan semula pindaan perlembagaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi bersama dalam Persekutuan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Secara umumnya, Kerajaan mensasarkan untuk menyelesaikan semakan pelaksanaan MA63 berdasarkan 3 fasa pelaksanaan iaitu sasaran jangka masa pendek (dalam tempoh <1 tahun), sasaran jangka masa sederhana (dalam tempoh 1-2 tahun) dan sasaran jangka masa panjang (tempoh >3 tahun). Walau bagaimanapun, setakat ini Jemaah Menteri masih belum membuat sebarang keputusan berhubung Cadangan Pindaan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) pada 5 Oktober 2019 yang dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, YB Tun Dr Mahathir Mohamad. WKB 2030 merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2021 hingga 2030. Matlamat utama WKB 2030 adalah untuk membolehkan rakyat Malaysia secara keseluruhannya dapat mengecapi taraf hidup wajar atau dengan izin "*decent standard of living*" menjelang tahun 2030. WKB 2030 menetapkan tiga objektif utama, iaitu Pembangunan untuk Semua, Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan serta Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah. Terdapat 10 sasaran utama telah ditetapkan untuk mencapai objektif WKB 2030 termasuk kadar pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) disasarkan berkembang sebanyak 4.7% setahun. Selain itu, bagi mengurangkan jurang pendapatan antara kaum nisbah pendapatan penengah kumpulan etnik Bumiputera, Cina dan India disasarkan pada nisbah 0.9:1:1. Purata pendapatan bagi mencapai taraf hidup wajar pula

disasarkan tidak kurang daripada RM5,800 sebulan untuk kumpulan isi rumah B40.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Perikatan Nasional telah memutuskan untuk meneruskan WKB 2030 sebagai pelan pembangunan jangka panjang negara yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030. Pelbagai dasar dan strategi khusus yang akan dijajarkan dengan objektif WKB 2030 akan dirangka di bawah RMKe-12 yang merupakan fasa pertama pelaksanaan WKB 2030.

3. Bagi mencapai objektif pertama WKB 2030, penstrukturan semula ekonomi akan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang lebih berkualiti dengan meningkatkan produktiviti dan menggalakan pelaburan yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Kerajaan juga akan menilai semula keperluan sebenar pekerja asing dan memperkenalkan sistem levi pelbagai peringkat bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan memastikan industri beralih kepada penggunaan teknologi dan automasi. Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) akan dijenamakan semula bagi menarik lebih ramai penyertaan pelajar dan belia bagi mempertingkatkan berkemahiran yang sesuai dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

4. Di samping itu, langkah juga diambil untuk mempergiat aktiviti ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Kerajaan juga akan terus menggalakkan inisiatif penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta pendigitalan dan penerimagunaan teknologi secara lebih meluas untuk mengambil manfaat Revolusi Perindustrian Keempat terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Beberapa cadangan aktiviti yang berpotensi untuk dibangunkan pada masa hadapan juga telah dikenal pasti termasuk pertanian pintar, industri aeroangkasa, kandungan digital serta perkhidmatan logistik, kewangan Islam dan pelancongan.

5. Bagi mengurangkan jurang kekayaan dan pendapatan pula, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah untuk meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. RMKe-12 akan memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi, kumpulan isi rumah B40 dan kumpulan minoriti. Dalam hal ini, pengukuran kadar kemiskinan telah disemak semula dengan menetapkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) baharu iaitu sebanyak RM2,208 sebulan. Selain itu, kategori isi rumah telah dikelaskan semula kepada 10 kategori termasuk memperincikan kumpulan B40 kepada B1, B2, B3 dan B4. PGK baharu dan perincian pengkelasan ini serta nilai pekali Gini yang terkini sebanyak 0.407 akan digunakan sebagai asas dalam pengukuran kadar kemiskinan dan jurang kekayaan dalam menyusun strategi di bawah RMKe-12. Asas pengukuran baharu ini akan membolehkan perancangan program yang lebih bersasar dapat dilaksanakan bagi merapatkan jurang pendapatan antara isi rumah.

6. Selain itu, bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan tidak bertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara, terutamanya di negeri yang kurang membangun. Pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, economic *hot spots*, akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Malaysia juga akan memanfaatkan peluang daripada perkembangan peralihan ekonomi dunia dari Eropah ke Asia dengan menjadikan negara sebagai Hub Ekonomi ASEAN.

7. Dalam usaha untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha untuk mengukuhkan perpaduan nasional dan meningkatkan modal sosial ke arah mewujudkan masyarakat yang aman, harmoni dan bersatu. Sistem pendidikan akan memberi tumpuan kepada usaha ke arah memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara. Di samping itu, peluang dan ruang untuk interaksi sosial yang lebih baik dan kondusif akan diperluaskan bagi menggalakkan interaksi antara masyarakat dalam usaha memupuk perpaduan yang lebih utuh. Amalan tadbir urus Kerajaan juga akan diperkukuh berpandukan kepada

prinsip mementingkan integriti bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

8. RMKe-12 yang dijadualkan untuk dibentangkan kepada Parlimen pada Ogos 2020 telah ditangguhkan kepada tahun hadapan. Penangguhan ini bagi membolehkan Kerajaan menyusun semula strategi perancangan ekonomi mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global dan kesan pandemik COVID-19 serta beberapa cabaran luaran yang lain. Tumpuan Kerajaan pada masa kini adalah untuk memastikan pelan pemulihan pasca COVID-19 dapat digerakkan dengan lebih cepat dan dapat memberi kesan positif kepada rakyat dan negara.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 0.7% pada suku pertama 2020, iaitu lebih baik daripada jangkaan kebanyakan pakar ekonomi meskipun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar kesan daripada pandemik COVID-19. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini berikutan langkah Kerajaan membuka semula sektor ekonomi.

10. Selain langkah pemulihan ekonomi yang sedang giat dijalankan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerajaan juga melalui Majlis Tindakan Ekonomi sedang dalam proses penyediaan Pelan Jangka Panjang Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19 yang akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020. Pelan ini merupakan langkah untuk memulihkan ekonomi dalam menghadapi kebiasaan baharu.

11. Kerajaan akan memastikan pertumbuhan jangka panjang adalah berkualiti, inklusif dan mampan untuk membolehkan ekonomi rakyat dapat dipulihkan, manakala kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama. Kerajaan yakin melalui pelbagai usaha dan langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, ekonomi Malaysia akan lebih berdaya tahan dan berdaya saing serta seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi kemakmuran secara bersama.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]**
TARIKH	**:**	**16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

SOALAN

YB DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah serta perincian kemasukan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) ke dalam Malaysia dan Pelaburan Langsung Domestik (*Domestic Direct Investment*) yang telah diluluskan pada tahun 2019 mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meneruskan kejayaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019 sebanyak 5,287 projek telah diluluskan dalam sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan yang menyumbang kepada pelaburan bernilai RM211.4 bilion. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM129.0 bilion atau 61% merupakan pelaburan domestik, manakala pelaburan asing merekodkan pelaburan bernilai RM82.4 bilion atau 39%. Jumlah pelaburan yang diluluskan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 3.4% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2018.

2. Di kalangan negeri, Selangor mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan yang tertinggi bernilai RM48.1 bilion dengan 1,512 projek. Ini diikuti oleh Pulau Pinang (RM33.7 bilion, 379 projek), Johor (RM24.5 bilion, 668 projek), Kuala Lumpur (RM21.6 bilion, 474 projek), Kedah (RM14.7 bilion, 242 projek) dan Sabah (RM12.4 bilion, 141 projek).

3. Bagi terus meningkatkan prestasi pelaburan di Malaysia, MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan memanfaatkan trend mega terkini terutamanya Revolusi Perindustrian 4.0 menerusi Dasar Kebangsaan terhadap Industri 4.0: Industry4WRD. Kerajaan juga akan terus menggunakan pendekatan berfokus dalam usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi dengan memberi penekanan terhadap teknologi, inovasi dan nilai ditambah tinggi (*high value-added*), reka bentuk dan R&D, berintensifkan modal dan pengetahuan yang menjana peluang pekerjaan berkualiti dan pelbagai kesan pengganda.

4. Melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), rancangan pemulihan ekonomi negara telah diperkenalkan khususnya bagi terus menggalakkan pelaburan pasca penularan wabak COVID-19. Langkah-langkah ini bertujuan antara lain bagi merancakkan aliran pelaburan pada suku ketiga dan keempat tahun 2020 sehingga tahun 2021. Antara inisiatif utama yang akan dilaksanakan untuk menarik minat pelabur adalah seperti berikut:

i. kelulusan Lesen Pengilang dalam tempoh 48 jam bagi industri yang tidak sensitif;

ii. insentif cukai bagi menggalakkan syarikat memindahkan operasi ke Malaysia;

iii. perluasan dan penambahbaikan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (*Domestic Investment Strategic Fund* - DISF) bagi terus memacu peralihan syarikat tempatan ke rantaian nilai yang lebih tinggi; dan

iv. penubuhan '*Project Acceleration and Coordination Unit'* (PACU) bagi membantu dan mempercepatkan pelaksanaan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan dan lain-lain.

5. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terus menggalakkan pelaburan berkualiti ke dalam negara, MIDA telah diluluskan peruntukan tambahan bagi menjalankan aktiviti penggalakan pelaburan yang lebih berkesan. MIDA akan terus mempergiatkan aktiviti penggalakan pelaburan bagi memastikan kedudukan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

i. penganjuran '*webinar'* menerusi kolaborasi dengan dewan perniagaan, syarikat perbankan dan komuniti perniagaan antarabangsa seperti *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry* (MFCCI), *EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry* (EUMCCI), *China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia* (CECCM), Deloitte, HSBC, Standard Chartered, American Chamber (AMCHAM) dan sebagainya;

ii. menandatangani Perjanjian Persefahaman (*Memorandum of Understanding* - MoU) dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti dewan antarabangsa, institusi kewangan, agensi penggalakan pelaburan, syarikat

multinasional dan pemaju tanah untuk menarik pelaburan berkualiti ke negara ini;

iii. Misi Pelaburan Khusus (*Specific Project Mission* - SPM) bersama pelabur di luar dan dalam negara secara maya menggunakan platform digital e-SPM;

iv. membantu syarikat membawa tenaga pakar kembali ke Malaysia untuk meneruskan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara; dan

v. menganjurkan program-program '*media blitz'* melalui platform elektronik seperti laman web dan media sosial kementerian dan agensi yang berkaitan bagi menghebahkan maklumat mengenai peluang pelaburan, dasar dan insentif terkini kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Keberkesanan usaha-usaha Kerajaan ini turut diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui Laporan *Ease of Doing Businesss* 2020 oleh Bank Dunia, di mana kedudukan Malaysia telah meningkat ke tangga-12 berbanding di tangga-15 pada tahun 2019 sebagai negara paling berdaya saing di kalangan 190 negara. Kedudukan terbaharu ini meletakkan Malaysia di hadapan negara-negara seperti Australia (14), Thailand (21), China (31) dan India (63). Secara kesimpulannya, Malaysia sentiasa komited untuk kekal sebagai destinasi pilihan utama bagi projek-projek pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA 2020

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bila Kertas Putih Besi dan Keluli (Iron and Steel White Paper) akan dimuktamadkan dan adakah laporan ini akan diberi akses umum. Adakah Kerajaan akan membenarkan pembuat besi dan keluli asing berskala besar yang baru untuk memasuki pasaran domestik dan mengambil pasaran dari pengeluar Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sektor besi dan keluli merupakan sektor strategik dan berperanan sebagai tunjang kepada sektor pembinaan dan pembuatan negara. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor ini adalah seramai 98,875 pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.8 billion bagi tahun yang sama. Eksport produk besi dan keluli turut meningkat daripada 2.3 juta tan metrik pada tahun 2017 kepada 3.4 juta tan metrik pada tahun 2019. Sementara itu, import telah menurun daripada 9.2 juta tan metrik pada tahun 2017 kepada 8.2 juta metrik tan pada tahun 2019. Kertas Putih Besi dan Keluli yang telah dikemukakan oleh pihak industri besi dan keluli kepada Kerajaan pada tahun 2019 adalah berdasarkan konsultasi industri dan pemegang taruh yang terlibat dalam rantaian bekalan industri besi dan keluli di peringkat huluan, pertengahan serta hiliran. Data analisis daripada *South East*

Asia Steel Institute (SEAISI) mengenai pasaran domestik serta global juga dirujuk dalam Kertas tersebut.

2. Dalam usaha untuk memastikan sektor strategik ini kekal berdaya saing terutamanya dalam senario pasaran global yang kian mencabar termasuk cabaran terbaharu disebabkan oleh pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengambil kira permintaan dan cadangan pihak industri dalam menambahbaik kajian semula dasar semasa sektor besi dan keluli sewajarnya. Beberapa proses ke arah memuktamadkan kajian semula dasar besi dan keluli ini telah dilanjutkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini. Kajian semula dasar besi dan keluli dijangka dimuktamadkan sebelum penghujung tahun ini dan seterusnya akan diumumkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

3. Malaysia sebagai sebuah negara yang mesra pelabur sentiasa menyambut baik pelaburan tempatan mahupun asing yang bernilai tambah tinggi terutamanya jika aktiviti tersebut melengkapkan eko-sistem industri dalam negara. Bagi sektor pembuatan, Kerajaan menggalakkan pelaburan dalam aktiviti berteknologi maju, bernilai tambah tinggi, mesra alam sekitar serta menggunakan sumber tenaga dengan cekap atau boleh dibaharui.

4. Bagi memastikan kepentingan syarikat tempatan terpelihara, sebarang keputusan Kerajaan untuk membenarkan pelaburan baru asing mahupun tempatan akan berdasarkan proses penilaian yang ketat oleh agensi promosi pelaburan yang berkenaan seperti MIDA, dan jika perlu, sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh yang terlibat juga akan diadakan. Perbincangan dengan pihak kerajaan negeri yang berkenaan juga perlu dilakukan sekiranya pelaburan melibatkan sektor yang strategik serta jumlah nilai pelaburan yang besar. Justeru, Kerajaan akan menimbang sewajarnya setiap permohonan pelaburan baru dengan mengambil kira serta mencapai keseimbangan di antara pelaburan baru dan kepentingan semasa industri tempatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (BAGAN DATUK)

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sehingga suku kedua 2020 ini, sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Putih Pertahanan (KPP) merupakan satu aspirasi Kerajaan untuk mengamalkan tadbir urus yang lebih baik dengan menekankan prinsip ketelusan, keterbukaan dan keterangkuman. KPP yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada Disember tahun lalu, menggariskan tiga blok binaan utama dalam melaksanakan KPP iaitu:

1. Mencapai reformasi pertahanan;
2. Menginstitusikan tadbir urus terbaik; dan
3. Ketetapan peruntukan pertahanan yang stabil dan mampan.

Dalam memastikan tiga blok binaan utama ini dicapai, kementerian telah memulakan gerak kerja untuk menghasilkan dokumen susulan KPP yang merangkumi kajian semula Pelan Pembangunan Keupayaan ATM (4DMAF), Rancangan Tindakan Kapasiti Pertahanan (RTKP) dan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN).

Kajian semula 4DMAF telah memasuki fasa akhir bagi menghasilkan satu angkatan tentera yang bersepadu, tangkas dan berfokus seiring dengan KPP. Ini bertujuan bagi memastikan pembangunan struktur dan postur angkatan yang mampu mengesan, mencegah dan seterusnya menafikan sebarang bentuk ancaman yang menggugat kepentingan Malaysia di dalam dan luar negara.

Kementerian juga telah mengambil langkah untuk menghasilkan RTKP yang bertujuan meningkatkan keberkesanan tenaga kerja pertahanan yang terdiri daripada anggota tentera dan juga pegawai awam yang berkhidmat dalam sektor pertahanan dan keselamatan. Peranan rakyat dalam menggalas tanggungjawab untuk pertahanan negara akan turut digariskan dalam RTKP.

Bagi mencapai transformasi industri pertahanan, penggubalan draf DIPN kini sedang giat dijalankan. Fasa seterusnya adalah fasa libat urus yang bakal melibatkan penyertaan pemegang taruh kerajaan dan bukan kerajaan meliputi pemain-pemain industri pertahanan dalam dan luar negara dari kalangan sektor keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.

Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan KPP secara holistik, kementerian juga sedang membangunkan Pelan Strategik MINDEF (PSM) 2021 – 2025. PSM ini mengandungi tujuh (7) teras yang mendukung visi Kementerian ke arah merealisasikan lima (5) Objektif Pertahanan Negara yang telah dikenalpasti dalam KPP.

Terima kasih.

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan rancangan membuka kedutaan Malaysia untuk Palestin di Amman, Jordan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah membuat pengumuman berhubung dengan keputusan kita untuk menubuhkan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin yang akan bermastautin di Amman, Jordan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali Ke-18 di Baku, Azerbaijan pada 26 Oktober 2019. Keputusan ini juga telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 31 Oktober 2019 di mana Dewan ini telah memberi sokongan secara sebulat suara.

3. Keputusan ini telah disambut baik oleh pelbagai pihak, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga dikalangan negara-negara luar, termasuk Palestin sendiri. Keputusan Malaysia ini merupakan satu pendekatan

yang inovatif dan belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana negara lain, termasuk negara-negara yang menyokong perjuangan rakyat Palestin.

4. Bagi merealisasikan keputusan ini, Kementerian Luar Negeri telah mengadakan beberapa sesi rundingan dengan Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Jordan di Amman untuk mengenalpasti dan menetapkan proses-proses yang perlu dilaksanakan.

5. Dalam konteks rundingan ini, Malaysia menghormati pendirian Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Jordan. Sebagai langkah awal bagi perlaksanaan inisiatif ini, Malaysia bersedia menerima cadangan supaya kita menubuhkan satu unit khusus hal ehwal Palestin yang akan ditempatkan di Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan.

6. Pada masa ini, Kementerian Luar Negeri sedang di dalam proses penubuhan unit khusus ini termasuk perihal perjawatan pegawai diplomatik dan kakitangan sokongan serta peruntukan perbelanjaan khusus untuk unit ini. Proses ini, yang sepatutnya telah dilaksanakan sebelum ini, terpaksa ditunda berikutan penularan wabak COVID-19. Kementerian Luar Negeri akan meneruskan usaha ini apabila keadaan mengizinkan.

7. Situasi pandemik COVID-19 juga telah membantutkan usaha kita untuk melaksanakan perlantikan Konsul-Konsul Kehormat di Tebing Barat dan Gaza. Jawatan kedua-dua Konsul Kehormat ini adalah untuk melengkapi objektif dan fungsi penubuhan unit Palestin di Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan.

8. Seperti yang diketahui umum, Kerajaan kekal komited dengan usaha-usaha untuk menzahirkan sokongan kuat Malaysia kepada Palestin. Justeru, penubuhan unit Palestin di bawah naungan Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan boleh dilihat sebagai salah satu langkah daripada Kerajaan untuk terus menyokong perjuangan Palestin.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah SPR secara terperinci untuk mengadakan pendaftaran secara automatik kepada lebih 4.5 juta rakyat yang berumur 21 tahun ke atas namun belum mendaftar sebagai pengundi. Apakah halangan (jika ada) untuk memastikan pendaftaran automatik itu termasuk yang berumur 18 tahun ke atas boleh dimulakan tahun 2020 ini dan sudahkah halangan itu diatasi dan jika belum, mengapa.

JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (2019) yang lalu.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan**, **penyediaan *standard operating procedures* (SOP)** dan **penyediaan sistem dan infrastruktur** bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Sehubungan itu, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:

(i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;

(ii) Kementerian Dalam Negeri;

(iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);

(iv) Jabatan Penjara Malaysia;

(v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;

(vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;

(vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan

(viii) Polis DiRaja Malaysia.

Selain itu, SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti berikut:

(i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;

(ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan

(iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui **Jawatankuasa *Taskforce* SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019** yang lalu. Tarikh pelaksanaan tersebut dijangka selewat-lewatnya adalah pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kedudukan negara kita dalam Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International* akan bertambah baik tahun hadapan berserta dengan usaha Kerajaan ke arah ini.

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen dan keseriusan usaha memerangi rasuah di Malaysia dinilai di peringkat global melalui skor dan kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index* (CPI) yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI). CPI merupakan satu indeks antarabangsa yang menilai persepsi rasuah dalam sektor awam berdasarkan hasil tinjauan dan temubual daripada kalangan ahli perniagaan dan pakar-pakar dalam negara yang terlibat.

Pada tahun 2019, Malaysia telah berjaya menaikkan skor daripada skor 47 kepada skor 53 dan daripada kedudukan ke-61 ke kedudukan ke-51 pada tahun 2018 yang terbaik dalam tempoh 20 tahun. Peningkatan pencapaian negara dalam CPI ini membuktikan keseriusan Kerajaan dalam pelaksanaan dasar dan inisiatif-inisiatif Kerajaan berhubung governans, integriti dan antirasuah.

Inisiatif yang dilaksanakan adalah pembangunan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang merangkumi 6 bidang keutamaan meliputi:

i) Tadbir Urus Politik
ii) Pentadbiran Sektor Awam
iii) Perolehan Awam
iv) Perundangan/Kehakiman
v) Penguatkuasaan Undang-Undang
vi) Tadbir Urus Korporat

Antaranya ialah pelaksanaan pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen melalui Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi memperkukuh mekanisme semak dan imbang, dan penubuhan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional *(National Anti-Financial Crimes Centre* - NFCC) yang bertanggungjawab dalam penyiasatan jenayah kewangan terancang serta pengurusan aset sitaan dan lucuthak serta menambahbaik keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman dalam memartabatkan keadilan.

Sehubungan itu, bagi memastikan skor dan kedudukan negara dalam CPI ini terus meningkat, pelaksanaan polisi serta usaha pembaharuan institusi dan undang-undang akan terus dilaksanakan termasuk meneruskan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional selaras dengan prinsip akauntabiliti, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan sebagai keutamaan dalam pelaksanaan agenda pentadbiran dan pembangunan merentasi semua sektor.

Diharapkan dengan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah, keyakinan pelabur dan rakyat amnya berjaya ditingkatkan sekaligus prestasi negara dalam CPI akan bertambah baik.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULUH]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan sama ada Kerajaan baru bercadang untuk meneruskan usaha mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen telah disediakan. Kerajaan sedang meneliti dan memperhalusi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak mencapai kadar prestasi yang memuaskan dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan langkah - langkah untuk memperbetulkan keadaan ini.

NO. SOALAN : 26

<u>JAWAPAN</u>: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi Jabatan dan Agensi Kerajaan dipantau melalui *Ministerial Performance Indicators* (MPI) bagi YB Menteri serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Di peringkat PPTPA, setiap Jabatan dan agensi Kerajaan perlu komited dalam memastikan sesuatu perkara yang dirancang dilaksanakan dengan sempurna dan segala usaha diambil bagi mempastikan isu atau permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan tuntas.

Pegawai di kumpulan PPTPA boleh dikenakan tindakan sekiranya gagal mencapai prestasi sekurang - kurangnya 75 peratus dan ke atas, seperti tidak disahkan kenaikan pangkat, tiada kenaikan gaji tahunan, dan lain-lain tindakan yang bersesuaian oleh Mesyuarat Panel Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA DR.MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas utama Duta Khas Malaysia ke Timur Tengah dan perkembangan terkini hubungan Malaysia dengan negara timur tengah tersebut.

NO. SOALAN : 27

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara tugas utama Duta Khas Perdana Menteri Ke Timur Tengah adalah untuk menasihati YAB Perdana Menteri bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan perdagangan strategik negara-negara Timur Tengah merangkumi semua negara serantau dengan meningkatkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang agama Islam, pendidikan, perdagangan dan pelaburan.

2. Sejak merdeka, Malaysia mengamalkan dasar hubungan luar negara yang neutral berteraskan prinsip tidak campur tangan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta untuk menyumbang secara efektif ke komuniti antarabangsa dengan adil dan saksama melalui platform hubungan dua hala dan pelbagai hala.

3. Sebagai ahli aktif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Organisation of Islamic Cooperation (OIC) dan The Non-Aligned Movement (NAM), Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang akrab dengan semua negara khususnya di Timur Tengah, kecuali Israel.

4. Hubungan sedia ada di antara Malaysia dengan negara-negara di Timur Tengah adalah akrab. Namun, kerjasama-kerjasama ini masih mempunyai ruang yang boleh dikukuhkan untuk manfaat bersama terutama dalam sektor perdagangan, pelaburan, hubungan di antara rakyat, pelancongan, keagamaan dan pendidikan.

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal akta baru bagi memastikan wakil rakyat yang keluar parti mengosongkan kerusi yang dimenangi demi menyekat masalah melompat parti

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara masih dijamin hak untuk bebas berpersatuan yang selaras dengan Perkara 10 (1) (C) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ 343.

Namun, sekiranya Kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang lompat parti ini pada masa akan datang, sudah pasti kajian terperinci akan dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan *best practices* dengan negara-negara lain. Kajian secara terperinci ini perlu dilakukan memandangkan perkara ini bercanggah dengan Perkara 10(1)(C) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan dengan syarat ia tidak membabitkan soal keselamatan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Pihak Kerajaan juga perlu mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak lain termasuklah badan bukan Kerajaan dan parti politik jika ianya hendak digubal kelak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

a) sama ada terdapat kajian atau tindakan yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap individu-individu tersasar tanpa persetujuan mereka berkenaan dengan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau lain-lain 'No-touch torture projects' ke atas minda seseorang di Malaysia; dan

b) adakah kajian atau tindakan ini diluluskan oleh Kerajaan. Jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

NO. SOALAN : 29

<u>JAWAPAN</u>: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada apa-apa kajian atau tindakan yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap individu-individu tersasar tanpa persetujuan mereka berkenaan dengan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau lain-lain 'No-touch torture projects' ke atas minda seseorang di Malaysia.

Dalam melaksanakan tugas siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menggunakan apa-apa alat yang mempunyai kesan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau apa-apa berkaitan dengan 'No-touch torture projects'.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 16 JULAI 2020 [KHAMIS]

SOALAN

YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil dan syor-syor dalam laporan interim oleh *Electoral Reform Committee* (ERC) yang telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada Januari 2020 dan adakah Kerajaan akan membuka laporan interim tersebut kepada orang awam supaya maklum balas boleh diperolehi.

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua

Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau *Electoral Reform Committee* (ERC) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji sistem dan proses serta undang-undang pilihan raya sedia ada. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan pada masa akan datang adalah pilihan raya yang lebih berwibawa atau *credible* serta mendapat kepercayaan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ERC ditubuhkan pada Ogos 2018 dan diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan sebuah laporan lengkap yang mengandungi cadangan-cadangan

reformasi pilihan raya. ERC telah pun mengemukakan laporan interim kepada YAB Perdana Menteri pada 13 Januari 2020 yang lalu. Laporan interim hanya memaklumkan perkembangan terkini kerja-kerja kajian yang telah dilaksanakan oleh ERC dan beberapa cadangan yang belum dimuktamadkan.

Pada masa ini, pihak Kerajaan masih belum menerima laporan akhir dan lengkap yang mengandungi syor-syor reformasi pilihan raya daripada ERC. ERC dijangka dapat mengemukakan laporan akhirnya kepada YAB Perdana Menteri pada selewat-lewatnya akhir Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) sama ada semua anggota Kabinet telah mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh sebulan yang dijanjikan sebelum ini; dan

(b) adakah maklumat pengisytiharan harta boleh diakses orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 13 Julai 2020 masih terdapat beberapa orang Anggota Jemaah Menteri yang belum mengemukakan sesalinan pengisytiharan harta kepada SPRM; dan

b) Pada masa ini, paparan pengisytiharan harta melalui laman web SPRM, hanya akan dibuat setelah Kerajaan memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta/ pendapatan yang telah diisytiharkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelaburan yang dimiliki oleh Tabung Haji yang kini menjadi beban hutang (liabiliti) dan apakah tindakan di peringkat Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ***TH*** mempunyai beberapa kelas pelaburan utama terdiri daripada Aset Pendapatan Tetap (Sukuk), Ekuiti, Hartanah dan Instrumen Pasaran Wang.

Pelaburan ***TH*** disandarkan kepada Strategi Aset Alokasi (SAA) yang berteraskan pelaburan patuh syariah yang memberi pulangan stabil dan mampan seperti berikut:-

- Aset Pendapatan Tetap sebanyak 55%;
- Ekuiti sebanyak 25%;
- Hartanah sebanyak 15%; dan
- Instrumen Pasaran Wang sebanyak 5%.

Semua aset pelaburan ini terdedah kepada risiko pelaburan seperti perubahan *fundamental* perniagaan sesebuah syarikat serta naik turun pasaran dalam dan luar negara. Sebagai contoh, wabak Covid-19 memberi kesan negatif kepada kedudukan ekonomi dan pasaran seluruh dunia, temasuk Malaysia, yang akan mempengaruhi pelaburan ***TH***.

Kerajaan akan sentiasa memantau dan menilai prestasi pelaburan ***TH***, oleh kerana ***TH*** merupakan institusi kewangan Islam terbesar serta memainkan peranan yang amat signifikan, khususnya dalam memegang amanah pendeposit-pendeposit umat Islam. Justeru, segala pelaburan dan urus niaga yang dijalankan oleh ***TH*** akan sentiasa akan diteliti oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [**TAMPIN**] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah semua Ahli Dewan Rakyat @ BBC Kerajaan telah mematuhi arahan yang dibuat oleh Kementerian untuk mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kalau belum apakah tindakan yang akan diambil bagi mereka yang ingkar dengan arahan tersebut.

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pada 1 Julai 2019 (Isnin), Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah meluluskan usul supaya semua Ahli Dewan Rakyat hendaklah mengisytiharkan harta mereka termasuk isteri atau suami, anak dan pemegang amanah sebelum 1 Oktober 2019 (Selasa). Selanjutnya, pada 26 November 2019 (Selasa), Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah meluluskan usul melanjutkan tarikh pengisytiharan harta tidak lewat daripada hari Khamis, 5 Disember 2019.

Sehingga 6 Julai 2020 (Selasa), seramai 42 Ahli Dewan Rakyat masih belum mengisytiharkan harta kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang gagal mengisytiharkan harta kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan alasan munasabah, boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah masjid-masjid dan surau yang sudah begitu lama dan usang seperti Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kalam, Masjid Abu Bakar, Kampung Bebuloh, Surau Nur Hidayah, Kampung Batu Arang, Surau Al-Munawarah, Kampung Patau-Patau 1, Surau Darussalam, Kampung Patau-Patau 2, Masjid Nur Imam, Kampung Ganggarak, Masjid Adam, Kampung Lajau, Masjid Kampung Rancha-Rancha, Surau Kampung Bukit Kuda, Surau Kampung Nagalang dan Surau Kampung Kilan akan dapat dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman terdapat 7 projek membaik pulih dan menaik taraf telah diluluskan pada tahun 2018 dan 2019 yang melibatkan kos sebanyak RM350,000.00 di Wilayah Persekutuan Labuan. Senarai masjid dan surau yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Masjid/Surau	Kos (RM)	Jenis Peruntukan	Status Pelaksanaan
1.	Membina Tandas Dan Bilik Memandikan Jenazah Serta	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan

Bil.	Masjid/Surau	Kos (RM)	Jenis Peruntukan	Status Pelaksanaan
	Kerja-Kerja Berkaitan Di Surau Nurhidayah Kampung Batu Arang.			(Jangkaan siap: Oktober 2020)
2.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Patau-Patau 2.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan (Jangkaan siap: Oktober 2020)
3.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Ganggarak.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan (Jangkaan siap: November 2020)
4.	Membaik Pulih Surau Al Ubudiyah Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Bukit Kuda.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Sudah Siap
5.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Rancha-Rancha Laut.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Sudah Siap
6.	Menaik Taraf Ruang Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kallam.	50,000.00	Projek Mesra Rakyat	Sudah Siap
7.	Membina Ruang Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Surau Al-Irsyad, Kampung Kilan.	50,000.00	Projek Mesra Rakyat	Sudah Siap
	Jumlah Keseluruhan	**350,000.00**		

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA (SIPITANG)

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama pertahanan dengan negara-negara jiran yang bersempadan dengan perairan Sabah seperti Filipina dan Indonesia, bagi menangani isu jenayah rentas sempadan, penculikan dan memperdagangkan manusia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memperkukuh jaringan kerjasama pertahanan dengan negara Filipina dan Indonesia di perairan Sabah, *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) yang merupakan platform kerjasama tiga hala telah dibentuk secara bersama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina. Kerjasama tiga hala ini merupakan pendekatan secara kolektif yang dibentuk bagi membendung ancaman jenayah rentas sempadan, penculikan dan perdagangan manusia di kawasan perairan ketiga-tiga negara. Melihat kepada perkembangan semasa situasi keselamatan di rantau ini, kerjasama ini juga merupakan platform terbaik bagi mempertingkatkan tahap kerjasama ketiga-tiga negara dalam berhadapan dengan ancaman keganasan yang kian menular di rantau ini.

NO SOALAN : 35

Salah satu inisiatif utama yang telah dipersetujui di bawah platfom TCA ini ialah pelaksanaan *Trilateral Maritime Patrol* (TMP). Inisiatif rondaan maritim ini telah diperkasakan dengan kerjasama yang erat dalam aspek rondaan serta pertemuan di laut bagi perkongsian maklumat dalam menangani ancaman di Laut Sulu. Di samping itu, bagi mempertingkatkan kawalan maritim di Laut Sulu, Malaysia, Indonesia dan Filipina turut melaksanakan *Trilateral Air Patrol* (TAP) secara berkala yang dilaksanakan secara bersama melibatkan ketiga-tiga negara.

Di samping itu, ketiga-tiga negara akan terus meningkatkan jalinan komunikasi serta perkongsian dan pertukaran data dan maklumat perisikan antara agensi perisikan ketiga-tiga negara dalam usaha menangani ancaman keganasan dan penculikan di Laut Sulu. Inisiatif ini akan dapat memastikan ketiga-tiga negara dapat bertindak dengan lebih responsif dan pantas.

Selain daripada elemen operasi yang terkandung dalam inisiatif ini, ketiga-tiga negara turut bersetuju untuk melaksanakan eksesais bersama yang bertujuan untuk mempertingkatkan *tactical interoperability* serta memperlihatkan kehadiran aset angkatan tentera ketiga-tiga negara di kawasan tersebut.

Walaupun tiada jaminan bahawa ancaman seperti isu jenayah rentas sempadan, penculikan dan perdagangan manusia di Laut Sulu dapat dihapuskan sama sekali, namun kesungguhan yang dipamerkan oleh Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam merealisasikan kerjasama tiga hala ini menonjolkan komitmen tinggi ASEAN dalam menangani ancaman keganasan di rantau ini. Ini kerana adalah mustahil untuk sesebuah negara bekerja secara bersendirian dalam membanteras aktiviti tersebut, dan sebaliknya ia harus dilakukan secara bersama dengan melibatkan aset ketenteraan, strategi yang kukuh, serta daya kepercayaan yang tinggi.

Terima kasih.

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keputusan dari siasatan SPRM berkaitan isu GATCO Negeri Sembilan di mana kes telah disiasat pada September 2017 tetapi sehingga hari ini masih tiada tindakan mahkamah.

JAWAPAN: **(YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes GATCO telah selesai. Pihak Peguam Negara memutuskan tiada tindakan pendakwaan dalam kes ini dan siasatan telah dihentikan [*No Further Action (NFA)].*

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kes denggi mengikut negeri yang melanda negara kita dan apakah punca berlaku kenaikan mendadak akhir-akhir ini. Seterusnya apakah tindakan pihak Kementerian dalam membasmi penyakit denggi daripada terus meningkat. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilancarkan tempoh hari merupakan antara penyumbang kepada peningkatan kes denggi di beberapa lokaliti di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2020 iaitu bermula Januari sehingga 2 Julai 2020, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak **55,586 kes** dan **92** kematian akibat komplikasi demam denggi, berbanding **64,192 kes** dan **93** kematian akibat komplikasi demam denggi bagi tempoh sama tahun 2019, iaitu **penurunan kes** sebanyak **13.4% (8,606 kes) serta pengurangan kematian sebanyak 1% (1 kematian).** Sebanyak enam (6) negeri yang menunjukkan jumlah kes tertinggi adalah Selangor (30,628), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (6,285), Johor (5,296),

Sabah (2,599), Kelantan (2,004) dan Perak (2,010) manakala sembilan (9) negeri lain merekodkan jumlah kes kurang daripada 2,000 kes.

2. Walaupun jumlah kes yang dilaporkan menurun, namun sejak 11 minggu kebelakang, terdapat tren peningkatan kes berterusan. Tren ini adalah mengikuti tren median lima (5) tahun di mana peningkatan seringkali berlaku pada bulan Jun hingga September. Berdasarkan tren tahun-tahun sebelumnya, peningkatan akan berlaku sekali lagi pada bulan November hingga Januari tahun hadapan. Oleh itu, semua lapisan masyarakat, perlu melakukan tindakan dari sekarang iaitu memastikan kebersihan persekitaran serta memusnahkan tempat pembiakan Aedes.

3. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor, walaupun negara sedang bergelut dengan wabak pandemik COVID-19, tindakan pencegahan dan kawalan bagi setiap kes dan wabak Denggi perlu terus dilaksanakan tanpa kompromi. Tindakan pembersihan persekitaran, aktiviti larvasiding di kawasan berpotensi menakung air serta promosi kesihatan kepada masyarakat terus dilaksanakan oleh anggota di lapangan dengan mengamalkan pendekatan norma baharu iaitu penjarakan sosial 1 meter dari individu lain, memakai pelitup muka sewaktu di lapangan serta kerap mencuci tangan.

4. Berdasarkan kepada analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dalam tempoh empat (4) minggu pertama PKP dilaksanakan iaitu bermula 18 Mac sehingga 14 April 2020, didapati berlaku penurunan ketara kes demam denggi yang dilaporkan berbanding tempoh sama tahun lepas iaitu sebanyak 22.6%.

5. Penyakit demam denggi amat berkait rapat dengan faktor kebersihan persekitaran. Setiap individu termasuk Ahli Yang Berhormat sekalian perlu mengambil tanggungjawab bagi memastikan kawasan persekitaran bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes* dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran. Tindakan pencegahan adalah lebih berkesan untuk menghalang kejadian kes dan wabak demam denggi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS [TUARAN]**
TARIKH	**:**	**20 JULAI 2020 (ISNIN)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan depoh ataupun 'Rumah Merah' Sabah, jumlah tahanan terkini di setiap depoh dan berapakah perbelanjaan setahun untuk mengurus tahanan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa sekarang, terdapat 4 buah depoh tahanan imigresen yang dikenali sebagai Pusat Tahanan Sementara (PTS) di seluruh negeri Sabah. Sehingga pada 8 Julai 2020, bilangan tahanan di semua PTS berjumlah 6,162 orang. Daripada jumlah ini, 1,694 orang ditahan di PTS Kota Kinabalu, 1,345 di PTS Papar, 1,272 di PTS Sibuga Sandakan dan 1,851 di PTS Tawau.

2. Seramai 5,356 orang daripada tahanan ini ialah warganegara Filipina, 693 orang warga Indonesia dan baki seramai 113 orang adalah dari pelbagai negara yang lain.

3. Secara purata, jumlah perbelanjaan tahunan bagi menguruskan tahanan-tahanan ini dari segi makan minum, pengangkutan bas dan feri bagi pengusiran ialah sebanyak RM18 juta setahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [TUARAN]**
TARIKH	**:**	**16 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [TUARAN] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelabuhan POIC Lahad Datu yang baru mendapat kelulusan sebagai *'legal landing place'* akan terus berkembang dan maju sehingga menjadikan realiti potensinya menjadi '*the Rotterdam of the East'.*

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Semasa lawatan mantan YB Menteri KPPK ke Sabah pada 9 Disember 2019, satu perjumpaan dengan pihak POIC Lahad Datu dan *Asia Pacific Exchange* (APEX) telah diadakan. Perjumpaan tersebut turut dihadiri oleh wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Perjumpaan tersebut telah membincangkan beberapa langkah strategik antaranya:

i. kerjasama bersama pihak APEX yang telah mengiktiraf POIC Lahad Datu sebagai *Port Tank Installation* (PTI) yang pertama di Malaysia Timur spesifik kepada CPO dan RBDPO. Dalam hal ini, pihak APEX perlu mendapatkan kelulusan daripada Securities Commission Malaysia (SC) bagi menjalankan perdagangan ini; dan

ii. cadangan penubuhan *Free Trade Zone* (FTZ) di POIC Lahad Datu sebagai langkah untuk merancakkan lagi urus niaga setelah pewujudan *APEX delivery location*.

Walau bagaimanapun, perancangan hala tuju pembangunan POIC Lahad Datu adalah bukan di bawah seliaan Kementerian ini memandangkan ianya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan peletakan jawatan Jalil Rasheed, mantan CEO PNB dan apakah tanda yang akan diberikan ini kepada anak muda Malaysia yang bekerja di luar negara yang ingin kembali berkhidmat untuk negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah institusi yang dimandatkan untuk memelihara pelaburan rakyat Malaysia, terutamanya Bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan dengan tata kelola tadbir urus yang telus, bertanggungjawab dan berintegriti.

2. Berikutan maklumat yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti bahawa latarbelakang akademik dan pekerjaan yang dikemukakan oleh Encik Jalil Rasheed melalui PNB kepada Suruhanjaya Sekuriti tidak konsisten, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah membuat inkuiri tentang perkara ini. Lanjutan daripada itu, Suruhanjaya Sekuriti telah mengadakan satu pertemuan dan perbincangan dengan Encik Jalil Rasheed pada 11 Jun 2020 untuk mendapat penjelasan lanjut daripada beliau.

3. Suruhanjaya Sekuriti juga telah memohon penjelasan daripada Lembaga Pengarah PNB tentang perkara ini melalui surat bertarikh 12 Jun 2020.

4. Pada 13 Jun 2020 Encik Jalil Rasheed telah menyerahkan surat peletakan jawatan beliau sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB di atas sebab peribadi.

5. Peletakan jawatan ini telah diterima oleh Lembaga Pengarah PNB pada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada hari Isnin, 15 Jun 2020.

6. Berhubung latar belakang akademik Encik Jalil Rasheed, penjelasan rasmi daripada pihak London School of Economics and Political Science (LSE) mengesahkan bahawa seorang graduan yang memegang ijazah daripada University of London bukan merupakan seorang graduan daripada LSE.

7. Kerajaan Malaysia sentiasa mendorong warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali ke tanah air bagi menyumbang tenaga dan bakat demi melonjakkan nama negara di mata dunia. Ini termasuklah golongan profesional serta rakyat Malaysia yang sedang menuntut di luar negara. Kerajaan melalui PNB akan terus menyokong usaha ini. Malah, setiap tahun PNB turut melahirkan lebih 20 graduan dari universiti terkemuka di serata dunia yang kembali berkhidmat di PNB.

8. Dengan sejarah penubuhan dan pencapaian yang melebihi 42 tahun, PNB akan terus memenuhi mandatnya dalam menggalakkan simpanan dalam bentuk dana unit amanah oleh kalangan Bumiputera, yang kemudian akan dilaburkan bagi pihak mereka bagi tujuan meningkatkan kekayaan mereka.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk insentif dan pengecualian cukai yang ditawarkan untuk menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, terutamanya dalam kalangan industri yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada pelaburan domestik dan pelaburan asing yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi terhadap pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

2. Sejajar dengan keutamaan ini, Kerajaan secara berterusan mengkaji keperluan supaya Malaysia terus menjadi destinasi pilihan utama bagi projek-projek pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi, terutamanya di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

3. Projek-projek pelaburan yang terpilih ini akan diteliti dan akan diberikan pakej insentif pengecualian cukai yang kompetitif dan bersesuaian. Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020, antara lain, menawarkan pakej pengecualian cukai istimewa kepada syarikat asing yang memindah (*relocate)* operasinya ke Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa iaitu:

- pengecualian cukai selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal antara RM300 - RM500 juta; dan

- pengecualian cukai selama 15 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pembuatan dengan pelaburan modal melebihi RM500 juta.

4. Selain ini, insentif-insentif PENJANA yang lain dijangka dapat meningkatkan pelaburan baharu dan menarik pelaburan tambahan dalam era pasca COVID-19 seperti berikut:

(i) 100% Elaun Cukai Pelaburan *(Investment Tax Allowance)* selama 5 tahun untuk pelaburan modal melebihi RM300 juta bagi syarikat sedia ada yang bercadang untuk memindahkan operasinya di luar negara ke Malaysia;

(ii) *Reinvestment Allowance* (RA) tambahan sebanyak 60% untuk syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti pembuatan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian 2020 hingga 2022, di mana RA dan Insentif RA Khas telah tamat tempohnya;

(iii) Penambahbaikan dalam Dana Pelaburan Strategik Tempatan (DISF) bagi tempoh 1 Jun sehingga 31 Disember 2020, termasuk:

- pengurangan ekuiti efektif daripada sekurang-kurangnya 60% dimiliki oleh rakyat Malaysia kepada sekurang-kurangnya 51% dimiliki oleh rakyat Malaysia;

- nisbah pembayaran semula geran latihan akan ditingkatkan kepada 70% ditanggung oleh Kerajaan, manakala 30% ditanggung oleh syarikat; dan

- nisbah pembayaran semula geran modal dengan elemen Industri 4.0 ditingkatkan kepada 70% ditanggung oleh Kerajaan, manakala 30% ditanggung oleh syarikat;

(iv) Kelulusan Lesen Pengilangan (Manufacturing License - ML) secara *fast track,* dengan izin, melalui platform digital e-ML untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua (2) hari bekerja; dan

(v) Penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA untuk mempercepat kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia dalam pelbagai peringkat.

5. Seiring dengan komitmen Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan bernilai dan berteknologi tinggi, MITI melalui MIDA juga telah diperkasakan dengan peruntukan tambahan bagi menjalankan aktiviti penggalakan pelaburan yang lebih efektif melalui insentif-insentif berikut:

(i) Galakan Taraf Perintis (TP) atau *Pioneer Status (PS)* dengan izin, iaitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% hingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; atau

(ii) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) atau *Investment Tax Allowance (ITA)* iaitu elaun sebanyak 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun;

(iii) Insentif Elaun Modal Automasi atau *Automation Capital Allowance Incentive* dengan izin, sebanyak 200% ke atas RM4 juta (industri perkilangan yang berintensifkan buruh) dan RM2 juta (industri-industri perkilangan lain) perbelanjaan pertama dalam menggalakkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan;

(iv) Insentif bagi Kawasan Kurang Membangun atau *Less Developed Area Incentives* dengan izin, bagi menggalakkan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan inklusif terutama di kawasan-kawasan kurang maju;

(v) Elaun Pelaburan Semula atau *Reinvestment Allowance (RA)* dengan izin, iaitu insentif yang telah diperkenalkan pada tahun 1980 untuk menggalakkan aktiviti pengeluaran secara automasi bagi syarikat perkilangan termasuk syarikat-syarikat di bawah Industri Kecil dan Sederhana (IKS). RA ini diberikan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat dan ia boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran berkenaan. RA ini diberikan untuk tempoh 15 tahun berturut-turut dari tahun pertama pelaburan semula dilakukan;

(vi) Pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung di dalam proses pengeluaran syarikat dan tidak dikeluarkan di dalam negara; dan

(vii) Skim Galakan Istimewa atau *Prepackaged Incentive*, dengan izin, terutamanya untuk projek-projek yang disasarkan yang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan berdasarkan pengetahuan dan nilai rantaian yang meluas. Pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada jenis industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternative; *advanced electronics*; bioteknologi; fotonik; peralatan perubatan; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); aeroangkasa dan petrokimia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Secara kesimpulannya, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan setiap insentif adalah bersasar, berasaskan masa dan relevan seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum di Malaysia. Dalam usaha berterusan Kerajaan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi, aspek ekosistem yang menyeluruh dalam strategi penggalakan pelaburan, pemudahcara dan fasilitasi pelaburan juga akan diperkemas dan diperkukuhkan di semua peringkat bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.